



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



DARI kiri, Mastor, Fakhru Hatta dan Zainal Abidin menunjukkan gambar suspek dan barang rampasan pada sidang media Operasi Bersepadu Khazanah di Ibu Pejabat Polis, semalam.

SASARAN PEMBURU HARAM

Cari air mani gajah

Pihak berkuasa hantar cecair ditemui dalam serbuan untuk ujian

Oleh Khairul Najib
Asarulah Khan
khairul.najib@ns-
tp.com.my

Kuala Lumpur

Air mani gajah antara sasaran pemburu haram kerana percaya ia mujarab untuk kegunaan perubatan tradisional termasuk tenaga batin selain dijadikan sebagai minyak pengasih.

Penemuan cecair itu dilakukan Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dalam serbuan Ops Bersepadu Khazanah pada Sabtu dan Ahad lalu.

Serbuan dilakukan di kawasan Hutan Simpan Labis, Johor, Kawasan Rizab Taman Negara Endau-Rompin, Johor, Gua Musang, Kelantan dan Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah.

Mendedahkan perkara itu, Timbalan Ketua Pengarah I (Konservasi) (Perhilitan) Datuk Fakhru Hatta Musa berkata, pihaknya mendapati pemburu haram dari negara jiran mempercayai air mani gajah mampu memberi kekuatan dalaman dan dijadikan minyak untuk memikat sesuatu.

Katanya, kesahihan kesannya belum diketahui dan adakah benar cecair itu air mani gajah sebenar.

"Gajah liar agak agresif dan

kami tidak pasti bagaimana kaedah digunakan mereka (pemburu) untuk mengamibil air mani haiwan itu.

"Cecair yang didakwa air mani gajah itu akan melalui ujian asid deoksiribonukleik (DNA) di Ibu Pejabat Perhilitan untuk siasatan," katanya pada sidang media Ops Bersepadu Khazanah di Bukit Aman, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) (Gerakan), Datuk Zainal Abidin Kasim dan Timbalan Pengarah Jabatan KDNKA PGA, Datuk Mastor Mohd Ariff.

Operasi itu membabitkan 106 pegawai Perhilitan bersama 103 pegawai dan ang-

gota PGA.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, selain air mani gajah, pihaknya turut merampas kuku, kantung dan taring harimau, kulit kijang, spesies orkid hutan dan pokok kacip fatimah.

"Turut dirampas gergaji mesin, empat golok dipercayai untuk menebang pokok keranji serta kapak dan 20 unit jerat naiton yang digunakan untuk menangkap haiwan liar," katanya.

Menurutnya, sejak Ops Bersepadu Khazanah dilancarkan pada 3 September lalu bagi melindungi hidupan liar dan pemuliharaan hutan, pihaknya menahan 47 pemburu haram berusia 30 hingga 40 tahun.